

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MALAM AMAL "HIMPUNAN BUDI PENYERI BAKTI"
Lokasi : NIRWANA BALLROOM, HILTON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-07-1992

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung BAKTI; Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Isteri; Yang Berbahagia para tetamu dan penderma yang dihormati, dan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian seterusnya, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya sahaja Majlis Malam Amal BAKTI ini dapat diadakan.

2. Saya mengucapkan selamat datang dan berbanyak terima kasih kepada para hadirin kerana sudi meluangkan masa untuk bersama dengan BAKTI malam ini. Saya juga mengucapkan penghargaan yang tinggi khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan anggota-anggota kabinet beliau termasuk Timbalan-Timbalan Menteri, dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen yang hadir bersama-sama isteri masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. BAKTI telah berkembang mekar dan segar sejak ia dilahirkan 15 tahun dahulu. Dengan fungsi utamanya sebagai badan kebajikan untuk golongan orang-orang cacat, anak-anak yatim dan orang-orang tua, BAKTI telah bergiat pesat dalam pelbagai aktiviti sepanjang dekad 80'an. Banyak sekali golongan yang didapati memerlukan bantuan akibat wujudnya pelbagai gejala dan masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, penganiayaan kanak-kanak, penyakit-penyakit yang memerlukan rawatan istimewa dan kemiskinan yang teruk.

BAKTI juga tidak lupa dalam memberikan keutamaan kepada soal pendidikan yang melibatkan pelajar-pelajar luar bandar yang dalam kesusahan dari peringkat rendah hinggalah kepada peringkat institusi pendidikan tinggi.

4. BAKTI dapat menjalankan aktiviti kebajikannya dengan meluas kerana tabung-tabungnya sentiasa berisi penuh. BAKTI mempunyai Tabung Kebajikan dan Tabung Dermasiswa yang dikelolakan oleh BAKTI sendiri serta Tabung Kebajikan BAKTI untuk siswa-siswi di universiti-universiti yang diuruskan sendiri oleh pihak universiti dan Institut Teknologi MARA.

Tabung-tabung ini sentiasa dapat diisi kerana hasil daripada kesedaran, kesefahaman, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap BAKTI. Para penderma telah menyambut rayuan- rayuan kutipan derma BAKTI dengan baik dan seringkali dengan spontan dan tanpa rayuan. Mereka ikhlas menabur bakti dan budi. Sumbangan demi sumbangan berupa wang diterima daripada pelbagai pihak seperti firma-firma swasta, badan- badan korporat dan orang-orang perseorangan.

5. BAKTI juga telah menerima sumbangan-sumbangan berupa material untuk diagihkan ke seluruh negara. Syarikat Sony telah menyumbangkan 100 peti televisyen dan alat perakam video untuk sekolah-sekolah dan institusi-institusi terpilih di luar bandar. Pada tahun lalu sebanyak 560 ekor lembu, 1,160 ekor kambing dihadiahkan oleh lima hamba Allah untuk disampaikan kepada 370 kampung miskin dalam negara pada Hari Raya korban Aidiladha. Pada minggu lalu, "educational toys" bernilai \$150,000 sumbangan dari Syarikat Lasy diberikan kepada persatuan-persatuan kanak-kanak cacat dan tadika di negeri-negeri.

6. Majlis penyampaian derma BAKTI diadakan tiga atau empat kali setahun dan seringkali penerima-penerima dari Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja dapat hadir kerana dekat dan mudah datang. Penerima-penerima lain menerima sumbangan mereka melalui pos atau Jabatan-Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pada minggu lalu, sempena dengan perayaan ulangtahun ke-15, BAKTI mengadakan majlis penyampaian derma yang istimewa di mana hasil kutipan Projek Walkathon tahun 1990 dan derma-derma spontan sepanjang tahun 1991 disampaikan kepada badan-badan amal dan kebajikan isteri-isteri peringkat Negeri, badan-badan sukarela berkaitan dengan orang-orang cacat, anak-anak yatim dan orang-orang tua, institusi-institusi perubatan yang dipilih mengikut zon dan dua badan kebajikan yang membantu orang-orang miskin dan orang-orang sakit teruk. Sejumlah 1.1 juta ringgit disumbangkan pada hari itu sahaja.

Ladies and gentlemen,

8. Forgive me if I sound boastful. I don't intend to but it is my duty and responsibility on behalf of BAKTI, to inform you of what we did and intend doing with the donations you have generously given us the past 15 years. We thank you deeply from our hearts and pray that God will bless you and enrich you further for your care and concern of the needy.

9. And now, the time is here, for us to face and humbly beg of you to continue to give us your trust and confidence which have motivated BAKTI to dedicate itself into helping the needy regardless of race, age and place throughout the country.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Selama 15 tahun himpunan budi tuan-tuan dan puan-puan telah memekar dan menyerikan BAKTI dalam usaha-usahanya membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Selama BAKTI dapat menghimpun budi para penderma selama itulah kami dapat berbakti demi nasib dan masa depan golongan-golongan yang memerlukan.

11. Bagi pihak BAKTI, saya berasa amat bersyukur dan dengan rendah hati mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua penderma. Saya bimbang hendak menyebutkan nama-nama penderma kerana senarai itu panjang dan kemungkinan saya akan terlupa menyebut satu atau dua nama. Namun, saya perlu mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada tiga syarikat yang, tanpa rayuan, telah menyumbang derma yang terbesar sekali iaitu, Syarikat HUALON sebanyak \$500,000/-, Syarikat EKTRAN Bhd \$250,000/- dan Syarikat SATO KOGYO sebanyak \$200,000/-. Sumbangan besar mereka itu membolehkan BAKTI mengadakan majlis penyampaian derma minggu lalu. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka dan lain-lain penderma yang budiman. Senarai nama-nama yang menderma untuk malam ini dilampirkan dalam buku cenderamata majlis ini dan mereka yang menyumbang lebih daripada \$10,000 akan kita lihat sebentar lagi.

12. Saya juga mengucapkan penghargaan dan berbanyak terima kasih.

a. Kepada Studio TAB, Kumpulan The New Straits Times dan Utusan Melayu yang telah bekerjasama dan membantu dalam persediaan persembahan multi-vision berkenaan dengan BAKTI. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Puan Maniseh Adam Pengerusi PELITA BAKTI kerana ketekunan dan kejayaan beliau mengaturkan multivision itu.

b. Kepada Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Hajah Zabedah bte Abdullah, isteri Ketua Menteri Melaka kerana mengaturkan persembahan yang dijayakan oleh Briged Seni dengan percuma.

c. Kepada The Directors and Instructors of The Singing Shop kerana persembahan mereka dengan lagu-lagu merdu dan popular. The Singing Shop mempunyai ramai student antara para hadirin.

d. Kepada RTM, Kompleks Kebudayaan Negara dan Dr. Chairani kerana memimpin dan melatih ahli-ahli koir dan ahli-ahli gamelan BAKTI dengan begitu sabar dan tekun.

e. Saya jarang-jarang sekali memberi kredit kepada ahli-ahli BAKTI yang bertugas kerana itulah

tanggungjawab mereka untuk bertugas. Tetapi malam ini, saya perlu memberi penghargaan yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Pengelola dan Jawatankuasa Kecil yang sama-sama menjayakan Malam Amal ini, khasnya kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dr Aishah Ong, Yang Berbahagia Datin Noorhayati (SUK) dan Yang Berbahagia Puan Fong Leng Hwa yang mengorbankan tenaga dan masa mereka hingga ke jauh malam. Mereka bertugas dengan penuh dedikasi dan kesabaran melayan semua panggilan telefon baik yang munasabah atau yang tidak munasabah.

Kepada mereka bertiga saya ucapkan syabas. Kepada suami mereka yang memberi pertimbangan dan sokongan penuh -- the man behind his successful woman -- saya ucapkan terima kasih.

f. Kepada yang lain yang saya tahu membantu secara langsung atau tidak langsung tetapi berada di sebalik tabir, penghargaan dan terima kasih juga saya hулurkan.

Para hadirin yang dihormati,

13. Acara malam ini mungkin akan terlanjur had masanya sedikit. Tetapi saya memohon ampun dan maaf terlebih dahulu. Kami menghargai kehadiran semua tetamu jemputan, penderma dan rakan-rakan BAKTI dan berharap persembahan- persembahan kami malam ini akan menghiburkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Saya mohon maaf kepada mereka yang tidak selesa dengan kedudukan meja mereka atau tidak dapat meja langsung sungguhpun menderma banyak. BAKTI perlu bersikap adil kepada mereka yang menyumbang dan memberi jawapan mereka terlebih awal.

15. Semoga Allah S.W.T. memberkati majlis ini dan usaha kita bersama untuk terus berbakti.

Wassalam.
